

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
BIL. 3 TAHUN 2023**

Tarikh : 8 November 2023 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama
Aras 7, Bangunan Pentadbiran
Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)
Kuala Lumpur

KEHADIRAN

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot - **Pengerusi**
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), MOTAC
2. Encik Shafarin bin Nasuredin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
3. Puan Nawiah binti Mohet
Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
4. Puan Jumaiyah binti Mohd Ali
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
5. Encik Ahmad Alsraf bin Ahmad Mokhtar
Pengarah
Pusat Pelancongan Malaysia
6. Puan Aini Zulfa binti Abd Rahim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pentadbiran
7. Puan Fatimah Nazaliza binti Mohd Nasir
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

8. Puan Noorziehan binti Sidin
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
9. Encik Shankaran a/l Ramsomdram - **Setiausaha Pihak Pegawai**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

TURUT HADIR (PIHAK PEGAWAI)

10. Puan Ooi Bee Ling
Pegawai Khas
Ketua Setiausaha

PIHAK PEKERJA

11. Encik Mohd Firdaus bin Mohamed Ramli - **Pengerusi Pihak Pekerja**
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M41-M48)
Bahagian Pembangunan Prasarana
12. Puan Jojo Lizawati binti Salim - **Timb. Pengerusi Pihak Pekerja**
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit
(Gred W29-W48)
Bahagian Akaun
13. Puan Nuriqa Irani binti Yahya - **Setiausaha Pihak Pegawai**
Kumpulan Pegawai Arkib/ Pegawai Psikologi/ Penolong Pegawai Psikologi/
Kurator/ Pegawai Hal Ekwil Islam/ Penolong Pegawai Hal Ekwil Islam/ Penolong
Pegawai Pustakawan/ Pembantu Pustakawan (Gred S19-S44)
Bahagian Pentadbiran
14. Puan Wan Hakimah binti Abd Rahim
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Penolong Pegawai Perhubungan Awam
(Gred S29-S48)
Unit Komunikasi Korporat
15. Puan Zurina binti Zainal Abidin Shah
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M41-M48)
Pejabat MOTAC Negeri Sarawak

16. Encik Zul Hilmi bin Suhaimi @ Bainah
Kumpulan Pegawai Arkib/ Pegawai Psikologi/ Penolong Pegawai Psikologi/
Kurator/ Pegawai Hal Ekwil Islam/ Penolong Pegawai Hal Ekwil Islam/ Penolong
Pegawai Pustakawan/ Pembantu Pustakawan (Gred S19-S44)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
17. Puan Adilah Nur binti Yahya
Kumpulan Pegawai Undang-undang/ Penolong Pegawai Undang-undang
(Gred L29-L44)
Unit Perundangan
18. Puan Nurul Hidayah binti Aman
Kumpulan Pegawai Undang-undang/ Penolong Pegawai Undang-undang
(Gred L29-L44)
Unit Perundangan
19. Puan Mazlina binti Mohd Rasit
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit
(Gred W29-W48)
Bahagian Kewangan
20. Puan Eliana binti Mahat @ Mazlan
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Penolong Pegawai Perhubungan Awam
(Gred S29-S48)
Unit Komunikasi Korporat
21. Puan Emi Azreena binti Abd Ghani
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Penolong Jurutera/ Arkitek/
Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan/ Penjaga Jentera Elektrik
(Gred JA29-JA36/J19-J48)
Bahagian Pembangunan Prasarana
22. Encik Muhammad Noor Shuhaimi bin Ramli
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Penolong Jurutera/ Arkitek/
Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan/ Penjaga Jentera Elektrik
(Gred JA29-JA36/J19-J48)
Bahagian Pembangunan Prasarana
23. Puan Nurul Ashikin binti Samat
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Juruteknik Komputer (Gred FT19-FT22/FA29-FA32/F41-F44)
Bahagian Pengurusan Maklumat

24. Encik Muhammad Shukri bin Mohd Nor
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Juruteknik Komputer (Gred FT19-FT22/FA29-FA32/F41-F44)
Bahagian Pengurusan Maklumat
25. Puan Noor Atiqah binti Zulkepli
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B18-B48)
Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan
26. Puan Musfaleza binti Mustapa
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29-N40)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
27. Puan Siti Norhidayah binti Abd Aziz
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas/
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N19-N29)
Bahagian Pengurusan Acara
28. Puan Salwahaini binti Md Nasir
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas/
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N19-N29)
Bahagian Dasar Kebudayaan
29. Encik Khairilnizam Helmy bin Kamarul Zaman
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan (Gred N22-N26)
Bahagian Kewangan
30. Encik Muhammad Hafizie Rizal Pung bin Abdullah
Kumpulan Pembantu Tadbir Pengeranian/Operasi (Gred N19)
Bahagian Dasar Kebudayaan
31. Encik Asnizan bin Mat Sufi
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan/ Pembantu Akauntan (Gred W19-W26)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
32. Puan Nourul Izzaty binti Ridzwan
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan/ Pembantu Akauntan (Gred W19-W26)
Pejabat MOTAC WP Kuala Lumpur/ Putrajaya
33. Puan Haslinda binti Omar
Kumpulan Pembantu Operasi (Gred N11-N14)
Bahagian Pembangunan Industri

34. Encik Jalani bin Ismail
Kumpulan Pemandu Kenderaan (Gred H11-H14)
Bahagian Pentadbiran

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman
Ketua Setiausaha
2. Puan Siti Nor binti Minu
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
3. Encik Mohd Khairul bin Kassim
Presiden
Kelab Sukan, Kebajikan dan Sosial

PIHAK PEKERJA

4. Encik Ku Shahril Azli bin Ku Shaari
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B18-B48)
Bahagian Pengurusan Acara
5. Encik Rozli bin Abdul Rani
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29-N40)
Pejabat MOTAC Negeri Pahang
6. Puan Khairiah binti Muhamad Khair
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan (Gred N22-N26)
Bahagian Pentadbiran
7. Puan Siti Raihana binti Abdullah
Kumpulan Pembantu Tadbir Pengeranian/Operasi (Gred N19)
Pejabat MOTAC Negeri Johor
8. Encik Mohd Sabri bin Abd Rahman
Kumpulan Pembantu Operasi (Gred N11-N14)
Pejabat Timbalan Menteri

9. Encik Fahriza bin Mazli
Kumpulan Pemandu Kenderaan (Gred H11-H14)
Bahagian Pentadbiran

URUS SETIA

1. Puan Nurul Ain binti Jumaat
Penolong Setiausaha BPSM
2. Puan Hefiza binti Banon
Pembantu Tadbir Kanan, BPSM

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

1.1 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MOTAC Bilangan 3 tahun 2023.

1.2 Status usul dan cadangan MBJ bagi bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:-

Bilangan 1/2023	Bilangan 2/2023
35 usul	45 usul
10 telah selesai	32 telah selesai
25 belum selesai	13 belum selesai

1.3 PERUNTUKAN KESELURUHAN TAHUN 2024 BERBANDING 2023

1.3.1 Pada tahun 2024, MOTAC telah diluluskan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM1.084 bilion** dan peningkatan sebanyak **11.56%** berbanding peruntukan tahun 2023.

1.3.2 Perincian peruntukan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti berikut:-

JENIS PERUNTUKAN	PERUNTUKAN 2023 (RM)	PERUNTUKAN 2024 (RM)	BEZA 2023 VS 2024 (RM)	BEZA 2023 VS 2024 (%)
MENGURUS (OE)	837,175,600.00	933,539,300.00	96,363,700.00	11.51
PEMBANGUNAN (DE)	134,081,100.00	150,022,800.00	15,941,700.00	11.89
JUMLAH	971,256,700.00	1,083,562,100.00	112,305,400.00	11.56

1.4 PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA SEMASA WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

- 1.4.1 Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat edaran JPA.100-1/4/1(13) bertarikh 21 Ogos 2023 memaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju agar semua pegawai awam **diwajibkan** memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari **Khamis** dan **digalakkan** pemakaiannya pada hari bekerja yang lain bagi meneruskan sokongan kepada industri batik Malaysia dan memastikan ia kekal sebagai warisan dan lambang identiti rakyat Malaysia.
- 1.4.2 Ketetapan pemakaian batik ini dikecualikan bagi pegawai yang dibekalkan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi dengan ketetapan kod pakaian tertentu.
- 1.4.3 Arahan pemakaian ini berkuat kuasa mulai dari tarikh surat edaran ini dikeluarkan.

1.5 PINDAAN DASAR MENDUDUKI RUMAH BIASA KERAJAAN

- 1.5.1 Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat edaran JPA.(S).800-6/2/22 Jld.2(3) bertarikh 27 September 2023 telah menambah baik dan mengemas kini peraturan pegawai yang mendiami RBK, dasar sewa yang ditetapkan melalui PA Bab E Tahun 1974 adalah dimansuhkan dan digantikan dengan Bayaran Menduduki Rumah Kerajaan (BMRK) mengikut kadar dan kaedah yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu potongan ITP dan BISH atau pindaannya dari semasa ke semasa bagi pegawai yang menduduki RBK. Manakala kadar sewa

melalui Lampiran C, PA Bab E Tahun 1974 dan PP 2/1977 adalah dibatalkan.

- 1.5.2 Penambahan peraturan ini dilaksanakan melalui MyPPSM SR.3: Kemudahan Perumahan Kerajaan berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

1.6 PINDAAN TAFSIRAN PEGAWAI BAGI PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA: PEGAWAI BERTUKAR WILAYAH

- 1.6.1 Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat edaran JPA.800-6/1/51(3) bertarikh 9 Oktober 2023 telah menambah baik dan mengemas kini peraturan yang sedang berkuat kuasa, tafsiran pegawai di bawah MyPPSM: Pegawai Bertukar Wilayah dipinda mengikut Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 adalah seperti berikut:-

TAFSIRAN SEDIA ADA	PINDAAN TAFSIRAN
Pegawai bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap.	Pegawai bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap, sementara atau kontrak (<i>contract of service</i>).

- 1.6.2 Pindaan tafsiran ini dilaksanakan melalui MyPPSM SR.6: Pegawai Bertukar Wilayah berkuat kuasa mulai surat ini dikeluarkan.

1.7 PELANCARAN TABUNG AMANAH KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI PERINGKAT PERKHIDMATAN AWAM

- 1.7.1 Mesyuarat Bersama ketua-ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara pada 24 Oktober 2023 telah melancarkan Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di Peringkat Perkhidmatan Awam. Pelancaran tabung kemanusiaan ini dilaksanakan sebagai tanda solidariti penjawat awam dalam membantu rakyat Palestin.

1.7.2 Sehubungan dengan itu, Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui Surat Edaran rujukan JPA.100-11/2/11(19) bertarikh 27 Oktober 2023 memohon tabung ini dilancarkan di peringkat kementerian, jabatan dan agensi masing-masing sehingga 10 November 2023. Hasil sumbangan yang telah diterima di peringkat kementerian, jabatan dan agensi boleh disalurkan terus ke:

Akaun : Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP)
Bank : CIMB Islamic Bank Berhad
No. Akaun : 86-0030248-9
Rujukan : Penjawat Awam

1.7.3 Jumlah sumbangan daripada setiap kementerian, jabatan dan agensi akan diserahkan kepada YAB Perdana Menteri. Sehubungan dengan itu, kementerian ini adalah dimohon untuk memantau dan merekodkan semua sumbangan warga Kementerian, jabatan dan agensi secara tunai atau pindahan dalam talian dan melaporkan kepada JPA selewat-lewatnya pada 13 November 2023 bagi tujuan penyelarasan jumlah kutipan di peringkat perkhidmatan awam.

1.8 CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU

1.8.1 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui Surat Edaran rujukan JPA.(S)800-1/1/7 JLD.4(15) bertarikh 6 November 2023 telah bersetuju untuk memberi pengecualian bagi tahun 2023 di mana Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan Hari Deepavali yang jatuh pada 13 November 2023 (Isnin) akan dibawa pada 14 November 2023 (Selasa) bagi negeri-negeri yang Hari Kelepasan Mingguannya adalah hari Ahad.

1.8.2 Peraturan ini telah dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR 5.3.6.

2 PERUTUSAN PENERUSI PIHAK PEKERJA

2.1 YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan salam kepada YBhg. Dato' Pengerusi, wakil-wakil Pihak Pegawai, wakil-wakil Pihak Pekerja dan urus setia MBJ MOTAC.

- 2.2 YBrS. Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan ribuan terima kasih kepada urus setia di atas pelaksanaan mesyuarat MBJ kali ini yang telah diadakan di LPSVN.
- 2.3 YBrS. Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil-wakil Pihak Pegawai di atas kerjasama yang telah diberikan berhubung isu-isu yang telah disuarakan dan hasil kerjasama tersebut beberapa isu telah diselesaikan seperti berikut:-
- a) Peralihan emel *outlook* kepada MyGovUC 2.0 yang telah menyediakan kapasiti lebih besar dan lancar;
 - b) penganjuran sambutan Hari Sukan Negara; dan
 - c) Penyediaan tiga (3) lot parkir kepada wakil pekerja.

Makluman

3 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat MBJ MOTAC Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 6 Jun 2023 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

4 PERBINCANGAN PERKARA BERBANGKIT (DARIPADA MESYUARAT BILANGAN 2 TAHUN 2023)

4.1 Penyediaan kerusiurut di lobi

- 4.1.1 BT telah menghubungi syarikat Gintell (M) Sdn. Bhd. pada 17 Mac 2023 bagi mendapatkan *business model* yang bersesuaian untuk kerusiurut di lobi MOTAC. Maklum balas yang diterima daripada syarikat Gintell (M) Sdn. Bhd. pada 31 Mei 2023 mendapati bahawa terdapat dua (2) kaedah perolehan yang boleh diguna pakai bagi kerusiurut tersebut iaitu sama ada secara pembelian aset atau sewaan selama 36 bulan.
- 4.1.2 SUB (K) melalui SUB (T) memaklumkan bahawa walaupun kaedah secara sewaan diguna pakai, pihak Gintell tetap perlu membayar sewaan tapak bagi penggunaan ruang kerusiurut tersebut.
- 4.1.3 Oleh yang demikian, YBhg. Dato' pengerusi memohon wakil pekerja mengemukakan beberapa proposal syarikat yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan ini.

Makluman

4.2 Kenderaan Jabatan di Pejabat Negeri

- 4.2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Urus setia Pejabat Negeri (UPN) telah menerima permohonan peruntukan bagi penambahan Kenderaan Jabatan daripada beberapa Pejabat MOTAC Negeri.
- 4.2.2 Oleh yang demikian, BK telah menyusun semula keutamaan perbelanjaan berikutan kekangan peruntukan dan memutuskan penggantian kenderaan Pejabat MOTAC Negeri ditangguhkan ke tahun 2024.
- 4.2.3 Tambahan pula MOTAC Negeri akan menerima kenderaan penguatkuasaan yang berupaya menyokong keperluan harian sehingga tahun 2024. Perolehan tahun 2024 juga adalah tertakluk kepada kelulusan MOF.

Makluman

4.3 Pengisian perjawatan di MATIC

- 4.3.1 Berhubung permohonan MATIC bagi pengisian segera jawatan Pemandu Gred H11, BPSM memaklumkan bahawa tiada kelulusan pengisian jawatan tersebut bagi tahun 2023.
- 4.3.2 Oleh itu, permohonan kelulusan pengisian perjawatan tersebut akan dikemukakan kepada pihak JPA untuk pengisian bagi gred lantikan pada tahun 2024, selaras dengan arahan pihak JPA melalui emel bertarikh 25 Oktober 2023.

Makluman

4.4 Tuntutan bayaran letak kenderaan

- 4.4.1 Berhubung tuntutan bayaran letak kenderaan, BPSM telah menyemak perkara ini dengan JPA dan JPA memaklumkan bahawa keutamaan kelulusan tuntutan bayaran sewaan petak letak kenderaan adalah kepada pegawai yang kerap kali keluar masuk pejabat menggunakan kenderaan sendiri kerana urusan rasmi di luar pejabat.
- 4.4.2 Oleh itu, perkara ini adalah bergantung kepada kelulusan dan budi bicara Ketua Jabatan masing-masing untuk membenarkan mana-mana pegawai yang layak memohon tuntutan ini.

Makluman

4.5 Label tempahan ruang letak kenderaan

- 4.5.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa reka bentuk/ template *Reserved Parking* telah diseragamkan dan diselaraskan oleh BT berdasarkan permohonan yang diterima.
- 4.5.2 Manakala, penyediaan *stand* papan tanda bagi *Reserved Parking* akan dimasukkan dalam senarai peralatan yang disediakan oleh syarikat Kawalan Keselamatan dalam perolehan tender yang baru.
- 4.5.3 Syarikat kawalan keselamatan juga telah menyediakan *Parking Sign Board With Metal Stand* untuk tempahan ruang letak kenderaan dan telah mula digunakan.

Makluman

4.6 Baju korporat dan lanyard pas pekerja

- 4.6.1 Reka bentuk bagi baju korporat telah dibentangkan kepada YBhg. Dato' KSU dan telah **dipersetujui** oleh YB Menteri pada 7 November 2023. Oleh yang demikian, KSKS akan melaksanakan urusan hebahan dan penjualan baju korporat tersebut kepada warga MOTAC.

Makluman

4.7 Persidangan Pemantapan Penolong Pegawai Tadbir

- 4.7.1 Berhubung Persidangan Pemantapan Penolong Pegawai Tadbir, penyediaan kertas kerja masih dalam proses pengemaskinian sebelum di angkat kepada BPSM untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan : Skim PPT

4.8 Tawaran belajar agensi di bawah MOTAC

- 4.8.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa BPSM akan mengadakan perbincangan bersama ASWARA bagi perancangan kursus jangka pendek yang bersesuaian dengan warga MOTAC di bawah Pelan Operasi Latihan Tahun 2024.

Tindakan: BPSM

4.9 Pemeriksaan Kesehatan Wajib Bagi Pegawai Berusia 40 tahun

- 4.9.1 Berhubung dengan Pemeriksaan Kesehatan Wajib Bagi Pegawai Berusia 40 tahun dan ke atas, BPSM akan membuat hebahan untuk mewajibkan pemeriksaan kesihatan untuk warga MOTAC yang telah berusia 40 tahun dan permohonan pemeriksaan adalah melalui BPSM.

Tindakan: BPSM

4.10 Data bank usul MBJ yang pernah dibincangkan

- 4.10.1 Data bank usul MBJ telah dikumpul dan direkodkan dari tahun 2021 hingga 2023 dan akan dijadikan sebagai rujukan kepada warga MOTAC sebelum mengemukakan usul ke platform MBJ.

Makluman

4.11 Kemudahan parkir kenderaan untuk wakil skim MBJ

- 4.11.1 Berhubung kemudahan parkir kenderaan untuk wakil skim MBJ, BT telah memperuntukkan tiga (3) ruang parkir di aras bawah tanah 2 (B2) seperti yang telah dipersetujui.

Makluman

4.12 *Coffee Vending Machine*

- 4.12.1 Berhubung cadangan agar disewakan tapak untuk menyediakan *vending machine* untuk jenama kopi tempatan, pihak KSKS telah mengenal pasti tiga (3) vendor bagi *self payment vending machine* ini iaitu:-

- a) Like Me Coffee;
- b) Coffee Bot; dan
- c) Coffee Star.

- 4.12.2 Vendor-vendor ini adalah merupakan Usahawan Tempatan dan IKS yang menjalankan perniagaan *self payment vending machine*. Pihak KSKS akan mengadakan satu sesi pembentangan dengan vendor-vendor di atas bagi mendapatkan persetujuan bersama berkenaan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak. Jangkaan sesi pembentangan akan diadakan pada penghujung November 2023.

Tindakan : KSKS

4.13 Kelab Muzik

- 4.13.1 Berhubung cadangan agar diwujudkan Kelab Muzik sebagai platform untuk warga MOTAC menyerlahkan bakat terpendam, peruntukan semasa Kewangan KSKS yang kurang memberansangkan, cadangan ini perlu ditangguhkan bagi memberi keutamaan kepada isu kebajikan warga MOTAC selaku ahli KSKS.
- 4.13.2 Oleh yang demikian, YBhg. Dato' Pengerusi memberi peluang kepada warga MOTAC yang berminat untuk menubuhkan Kelab Muzik dengan menggunakan peralatan muzik sendiri.

Makluman

4.14 Jualan Car Boot

- 4.14.1 Pihak KSKS telah melaksanakan jualan *car boot sale* semasa Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat MOTAC bertarikh 14 Oktober 2023 dan disertai oleh seramai 13 pihak dari kalangan warga MOTAC dan peniaga luar.

Makluman

5 USUL/ CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA

5.1 Langganan aplikasi *Google Looker Studio* dan *Kahoot*

- 5.1.1 Terdapat permohonan agar pihak BPM membuat perolehan dan **langganan untuk aplikasi *Google Looker Studio* dan *Kahoot***. Aplikasi ***Google Looker Studio*** ini penting pada masa kini untuk memudahkan pengurusan data dan penyediaan statistik yang lebih cepat dan tepat manakala aplikasi *Kahoot* adalah salah satu medium (kuiz) yang dapat menarik perhatian dan mempertingkatkan kefahaman peserta semasa pegawai menyampaikan ceramah/ Latihan/ taklimat secara dalaman dan luar (penggiat industri).
- 5.1.2 Oleh yang demikian, SUB (BPM) memohon Pihak Pekerja mengemukakan justifikasi dan maklumat bilangan pegawai yang akan menggunakan aplikasi ini.

Tindakan : BPM & Pihak Pekerja

5.2 Kemudahan untuk tuntutan baju *lounge suit* untuk pegawai bertugas parlimen

- 5.2.1 Terdapat Cadangan kemudahan untuk tuntutan baju *lounge suit* untuk pegawai bertugas parlimen. Meskipun sekarang pegawai hanya bertugas di Bilik Audio Visual Aras 12, berpandangan pegawai wajar diberi kelayakan untuk menuntut kemudahan ini.
- 5.2.2 SUB (PSM) berpandangan bahawa memandangkan pegawai tidak bertugas di parlimen, adalah tidak wajar tuntutan baju *lounge suit*.
- 5.2.3 SUB (BT) memaklumkan sekiranya pegawai diarahkan bertugas di parlimen, secara automatik pegawai layak memohon tuntutan baju *lounge suit*.
- 5.2.4 Oleh yang demikian, YBhg. Dato' Pengerusi memutuskan bahawa pegawai yang bertugas di Bilik Audio Visual Aras 12, MOTAC tidak layak memohon tuntutan baju *lounge suit*.

Makluman

5.3 Platform (bengkel/ mesyuarat/ kursus/ konvesyen) berkaitan kewangan

- 5.3.1 Wakil skim MBJ memohon diwujudkan platform (bengkel/ mesyuarat/ kursus/ konvesyen) berkaitan kewangan, untuk berkongsi / menyelaraskan sebarang ketetapan berkaitan kewangan secara bersama supaya pemahaman dan pelaksanaan adalah sejajar. Amalan ini turut diadakan oleh KKDW dan MOF.

Tindakan : BK

5.4 Kemudahan tempat tinggal / *lodging* sekiranya Pemandu Kenderaan terlibat dengan tugas rasmi di luar kawasan

- 5.4.1 Wakil skim MBJ memohon pendapat, penetapan dan penjelasan lanjut untuk **penyediaan kemudahan tempat tinggal / *lodging* sekiranya Pemandu Kenderaan terlibat dengan tugas rasmi di luar kawasan** dan jarak perjalanan adalah jauh. Walaupun tuntutan boleh dibuat, tetapi kadar gaji dan kekerapan tugas terdapat kekangan untuk *advance* duit sendiri.

- 5.4.2 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan perkara ini adalah tanggungjawab pegawai bagi memastikan pemandu disediakan kemudahan tempat tinggal/ *lodging*.

Makluman

5.5 Sewaan *mobile kioks* kepada pengusaha Karyaneka

- 5.5.1 Terdapat cadangan penggunaan lobi sepenuhnya dengan membuat **sewaan *mobile kioks* kepada pengusaha Karyaneka**. Jualan batik dan kraf tersebut akan memberi imej kebudayaan kepada pelawat dari luar kementerian/ Negara serta melambangkan fungsi MOTAC sebagai tunggak utama kebudayaan negara.
- 5.5.2 YBhg. Dato' Pengerusi memohon pengusaha Karyaneka membuat permohonan sewaan *mobile kioks* kepada BT.

Tindakan : BK & KSKS

5.6 Kursus Pemantapan Pegawai Kader kepada pegawai-pegawai skim J

- 5.6.1 Wakil skim J memohon diadakan **Kursus Pemantapan Pegawai Kader kepada pegawai-pegawai skim J** yang bertujuan untuk memperkasakan tugas dan fungsi kader JKR di MOTAC dan jabatan/ agensi di bawahnya.
- 5.6.2 Memohon pihak BPSM menawarkan **kursus kemahiran berbayar** (bayaran ditanggung oleh pihak PSM) kepada kader JKR dalam memastikan kemahiran sediaada selari dengan peredaran zaman dan keperluan semasa.
- 5.6.3 SUB (PSM) memaklumkan bahawa Kementerian Kerja Raya ada menawarkan setiap tahun kursus kepada skim J dan pegawai bolehlah memohon mengikut keperluan dan kesesuaian. Pegawai atau bahagian juga bolehlah mencadangkan kursus kepada BPSM.
- 5.6.4 YBhg. Dato' Pengerusi memohon BPSM mengadakan sesi libat urus YBhg. Dato' SUBK(P) bersama pegawai kader semua skim bagi sebagai

sesi suai kenal dan membincangkan isu/ masalah pegawai kader di MOTAC.

Tindakan : BPSM dan Skim J

5.7 Kursus/ bengkel tatacara dan etika pemakaian ke pejabat

- 5.7.1 Terdapat Cadangan diadakan **kursus/ bengkel tatacara dan etika pemakaian ke pejabat** mengikut punca kuasa dan arahan terkini kepada warga MOTAC (buka Bahagian hantar wakil). Bagi memastikan warga MOTAC mematuhi tatacara pemakaian sebagai penjawat awam sekaligus mencerminkan identiti dan fungsi MOTAC.
- 5.7.2 SUB (PSM) memaklumkan bahawa perkara ini bukanlah perkara baru dan ianya perlulah dipatuhi oleh semua penjawat awam selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa. Oleh yang demikian, YBhg. Dato' Pengerusi memohon BPSM mengadakan taklimat etika pemakaian ke pejabat bagi pegawai baru yang dilantik dalam perkhidmatan awam.

Tindakan : BPSM

5.8 Penganjuran program penerapan nilai-nilai murni

- 5.8.1 Terdapat Cadangan **penganjuran program penerapan nilai-nilai murni** kepada warga MOTAC sebagai persediaan rohani, kesejahteraan diri mental dan emosi dalam menjalankan bebanan tugas harian.
- 5.8.2 SUB (PSM) memaklumkan bahawa Unit Pengurusan Psikologi, BPSM sentiasa membuat hebahan melalui emel dan bersedia memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan kaunseling kepada pegawai secara e-kaunseling dan *walk-in*.
- 5.8.3 SUB (PSM) menyeru semua warga MOTAC agar menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh BPSM.

Makluman

5.9 Pembentangan analisa statistik dan hasil dapatan soal selidik Kajian Kepuasan Bekerja, MOTAC

- 5.9.1 Wakil skim MBJ memohon ruang slot/ agenda dalam platform Mesyuarat MBJ untuk **membentangkan analisa statistik dan hasil dapatan soal selidik Kajian Kepuasan Bekerja, MOTAC**. Analisa yang diperolehi boleh dijadikan penanda aras untuk menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan warga serta MOTAC.
- 5.9.2 Encik Zul Hilmi bin Suhaimi, Pegawai Psikologi memaklumkan bahawa soal selidik Kajian Kepuasan Bekerja MOTAC tahun 2023 akan dilaksanakan mulai 15 November 2023.
- 5.9.3 YBhg. Dato' Pengerusi memohon supaya hasil soal selidik ini dibentangkan dalam mesyuarat MBJ akan datang.

Tindakan: BPSM

5.10 Upacara atau langkah-langkah pencegahan untuk perkara mistik (penampakan, gangguan)

- 5.10.1 Terdapat permohonan mengadakan **upacara atau langkah-langkah pencegahan untuk perkara mistik (penampakan, gangguan) yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini** di beberapa bahagian seperti BPP, UKK, BT dan lain-lain). Ini bagi memastikan gangguan terkawal dan tidak mengganggu prestasi serta semangat rohani warga MOTAC.
- 5.10.2 YBhg. Dato' Pengerusi memohon membawa pengamal perubatan Islam yang boleh menghalau makhluk halus dan mencegah perkara ini berulang kembali.

Tindakan: BT

5.11 Pindaan waran perjawatan Penolong Jurutera Gred JA29

- 5.11.1 Wakil skim J memohon jawatan Penolong Jurutera Gred JA29 yang terdapat di Bahagian Pembangunan Industri di berikan kepada bahagian yang lebih diperlukan dan kritikal seperti Bahagian Pembangunan Prasarana kerana jawatan tersebut telah sekian lama tidak diisi.

5.11.2 SUB (PSM) memaklumkan bahawa perkara ini dalam tindakan dan sedang menunggu kelulusan YBhg. Dato' KSU.

Makluman

5.12 Permohonan pengisian jawatan di bahagian/ negeri MOTAC

5.12.1 Wakil skim MBJ memohon pengisian bagi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

BIL.	JAWATAN	TAHUN KEKOSONGAN	BAHAGIAN
1.	Pembantu Keselamatan Gred KP19	3 Mei 2021	BT
2.	Pembantu Akauntan Gred W19	1 Januari 2022	MaTIC
3.	Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19	19 September 2022	BPPP
4.	i) Jurutera Gred J48/52 ii) Pegawai Tadbir & Diplomatik (PTD) Gred M41/44 iii) Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 iv) Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19/22	3 Oktober 2023 17 Oktober 2023 2 Oktober 2023 25 September 2023	BPP
5.	Pengarah Gred 48 (Terbuka)	10 Mei 2023	MOTAC Terengganu
		12 Julai 2023	MOTAC Pulau Pinang
		27 Mac 2023	MOTAC Selangor
		5 Oktober 2023	MOTAC Kedah
6.	Pengarah, PTD Gred M41/44	1 Disember 2019	MOTAC Labuan
7.	Timbalan Pengarah, PTD Gred M41/44	3 Januari 2022	MOTAC Sabah
		27 Mac 2023	MOTAC Johor

5.12.1 SUB (PSM) memaklumkan bahawa pengisian jawatan-jawatan tersebut akan dibuat setelah mendapat kelulusan pengisian daripada Ketua Perkhidmatan skim kader dan JPA manakala bagi jawatan terbuka akan diproses secara pertukaran sementara dan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam selaku Pihak Berkuasa Melantik.

Makluman

5.13 Pertukaran *operator cafe* kepada pengusaha Melayu

5.13.1 Wakil skim MBJ mencadangkan **penukaran *operator cafe* kepada pengusaha Melayu**, bagi memberi lebih jaminan kepada tahap kebersihan, tawaran harga rahmah serta kepelbagaian menu juadah Melayu.

5.13.2 YBhg. Dato' Pengerusi memohon KSKS mengemukakan proposal pengusaha *café* yang baharu untuk pertimbangan selanjutnya.

Tindakan : KSKS

5.14 Susun atur kon keselamatan (oren) di ruang lobi utama

5.14.1 Terdapat cadangan lokasi kon keselamatan (oren) yang terdapat di ruang lobi utama disusun atur sebaiknya, melihat kepada susunan sekarang (sempit) menyebabkan kesesakan lalu lintas dan memberi risiko kemalangan terutamanya di waktu kemuncak.

Tindakan: BT

5.15 Pemasangan loceng di setiap pintu utama (setiap aras dan bahagian)

5.15.1 Terdapat permohonan penyelarasan pemasangan loceng di setiap pintu utama (setiap aras dan bahagian) yang sentiasa berkunci disebabkan keperluan keselamatan. Loceng ini untuk kemudahan dan *alert* pegawai bahagian untuk membuka pintu dan menerima pelawat dari luar Kementerian.

Tindakan: BT

5.16 Arahan Pentadbiran/ hebahan yang lebih kerap dan efektif kepada warga MOTAC

5.16.1 Terdapat permohonan dikeluarkan Arahan Pentadbiran/ hebahan yang lebih kerap dan efektif kepada warga MOTAC berkaitan sebarang ketetapan yang dibuat dan melibatkan warga MOTAC. Bagi memberikan kesedaran dan warga MOTAC peka dengan puncakuasa/ tujuan setiap perubahan dan ketetapan yang telah dibuat.

5.16.2 Contohnya, hebahan melalui speaker utama tidak boleh dibuat selepas jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang, penguatkuasaan penggunaan kad pekerja untuk akses tempat letak kenderaan dan pejabat serta lain-lain berkaitan.

Tindakan : BT

5.17 Siaran lagu-lagu kebudayaan di ruang lobi MOTAC

5.17.1 Wakil skim MBJ memohon sentiasa memasang **lagu-lagu kebudayaan di ruang lobi MOTAC** bagi melambangkan fungsi MOTAC yang memartabatkan kebudayaan Malaysia disamping memberikan aura positif dan mood gembira kepada pelawat yang hadir.

Tindakan : BT

6 HAL-HAL LAIN

Tiada

7 PENUTUP

YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.40 pagi.

Disediakan oleh:




.....
(NURUL AIN BINTI JUMAAT)

Urus Setia

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Disemak oleh:



.....
(SHANKARAN A/L RAMASOMDRAM)

Setiausaha Pihak Pegawai

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



.....
(NURIQA IRANI BINTI YAHYA)

Setiausaha Pihak Pekerja

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya